

Disahkan oleh:



.....
Mohamad Azrol Mohamad Dali
Timbalan Pengarah
Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)
15/12/2020

**POLIS DIRAJA MALAYSIA
(PDRM)**

**GARIS PANDUAN PERMOHONAN
PERMIT MENGIMPORT SIREN-ALARM
ATAU
'*AUTO TASER UNTOUCHABLE CAR
SECURITY*'**

PERMOHONAN PERMIT MENGIMPORT SIREN-ALARM ATAU '*AUTO TASER UNTOUCHABLE CAR SECURITY*'

1. OBJEKTIF

Memastikan permohonan mengimport Siren-Alarm atau '*Auto Taser Untouchable Car Security*' diuruskan dengan cepat dan betul supaya ianya terkawal bagi menjamin keamanan dan ketenteraman awam.

2. SKOP

Prosedur ini digunapakai di peringkat Unit Pelesenan Am, Ibu Pejabat Polis Bukit Aman untuk memproses permohonan mengimport Siren-Alarm atau '*Auto Taser Untouchable Car Security*' mengikut peruntukan undang-undang.

3. RUJUKAN

- 1.1. Akta Kastam 1967.
- 1.2. Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import & Eksport) 1998.

4. DEFINISI

4.1. '*Auto Taser Untouchable Car Security*'

'*Auto Taser Untouchable Car Security*' adalah sejenis sistem penggera kereta '*Car Alarm*' untuk menghindarkan kereta dicuri oleh penjenayah dengan mudah. Alat yang dipasang kepada '*Steering Wheel*' akan menghasilkan '*Electron Pulse*' apabila dipegang oleh mana-mana orang.

4.2. Siren-Alarm

Sejenis alat penggera (bunyi) yang boleh digunakan di bangunan dan pelantar minyak.

5. TATACARA PERMOHONAN

5.1 PERMOHONAN TUJUAN UJIAN

5.1.1 BORANG

BLESS :

1. Daftar pengguna melalui BLESS di laman <https://www.bless.gov.my>
2. Isi borang permohonan berdasarkan lesen yang dikehendaki dan hantar (submit) ke Ibupejabat Polis Bukit Aman (melalui BLESS).
3. Muat naik dokumen sokongan yang diperlukan.

MANUAL :

1. Borang permohonan, sila klik **POL. 309.pdf**.
2. Isi borang permohonan **POL. 309** dengan lengkap dan kemukakan ke Ibupejabat Polis Bukit Aman (Unit Pelesenan Am) berserta dokumen sokongan.

5.1.2 DOKUMEN SOKONGAN

Dokumen sokongan yang diperlukan adalah seperti berikut :

1. Siren-Alarm (fizikal)
2. (2) Keping Gambar Siren-Alarm

5.1.3 TEMPOH PROSES PERMOHONAN

Tempoh proses permohonan ujian mengambil masa 5 hari (waktu bekerja).

5.1.4 SURAT PELEPASAN

i. **Barang import ditahan oleh pihak KASTAM**

Sekiranya barang yang telah diimport masuk ditahan oleh pihak KASTAM, pemohon perlu mendapatkan surat pelepasan untuk tujuan ujian (1 unit) daripada Unit Pelesenan Am Bukit Aman.

ii. **Tujuan Ujian (1 unit)**

Pemohon perlu mendapatkan surat pelepasan untuk tujuan ujian daripada Unit Pelesenan Am Bukit Aman.

5.2 PERMOHONAN MENGIMPORT

5.2.1 BORANG

BLESS :

1. Daftar pengguna (log-in) melalui BLESS di laman <https://www.bless.gov.my>.
2. Isi borang permohonan berdasarkan lesen yang dikehendaki dan hantar (submit) ke Ibupejabat Polis Bukit Aman (melalui BLESS).
3. Muat naik dokumen sokongan yang diperlukan.

MANUAL :

1. Borang permohonan, sila klik **POL. 309 A.pdf**.
2. Isi borang permohonan **POL. 309 A** dengan lengkap dan kemukakan ke Ibupejabat Polis Bukit Aman (Unit Pelesenan Am) beserta dokumen sokongan.

5.2.2 DOKUMEN SOKONGAN

Dokumen sokongan yang diperlukan adalah seperti berikut :

1. (1) salinan Pendaftaran Syarikat (Borang 9)
2. (2) Keping Gambar Siren-Alarm
3. Keterangan Siren-Alarm

5.2.3 TEMPOH PROSES PERMOHONAN

Tempoh proses permohonan import mengambil masa 5 hari (waktu bekerja).

5.2.4 KELULUSAN

Permohonan ini akan diluluskan oleh Ketua Penolong Pengarah Pengurusan Pelesenan Am/ Jawatankuasa Penyiasat (CE) Bukit Aman.

5.2.5 PERMIT (SURAT KELULUSAN)

Setelah mendapat kelulusan, pemohon akan dimaklumkan melalui surat dan kelulusan ini diberi secara *one-off*.